Prapasiri Panyakhom lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42–26 TAHUN 2008
KAMARDIN HASHIM PK
26 FEBRUARY 2009

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rayuan terhadap hukuman — Kesetimpalan — Si mati ditikam berikutan pertengkaran — Tertuduh mengaku salah — Sama ada tertuduh mempunyai niat untuk membunuh — Sama ada hukuman wajar dan setimpal

Perayu/tertuduh, seorang perempuan warganegara Thailand, dituduh di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas satu pertuduhan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan. Mengikut saksi, tertuduh telah berkawan dengan si mati lebih kurang dua tahun. Si mati telah datang ke rumah tertuduh. Tertuduh telah memarahi si mati agar berhenti bermain judi daun terup kerana dikhuatiri akan kalah. Pertengkaran telah berlaku dan si mati telah memukul tertuduh dengan menggunakan helmet dan tertuduh telah melarikan diri ke dapur, mengambil pisau dan kemudian menikam si mati dengan sekali tikaman di leher sebelah kiri dan kedalaman tikaman ialah 9.5cm dari paras kulit. Tertuduh telah mengaku salah atas pertuduhan tersebut sejak kali pertama dihadapkan ke mahkamah. Atas sabitan, hakim mahkamah sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara 18 tahun berkuat kuasa sejak tarikh ditangkap serta didenda RM10,000 jika gagal membayar perayu diperintahkan menjalani 10 bulan penjara sebagai tambahan. Tertuduh yang tidak berpuas hati terhadap hukuman tersebut, telah merayu ke mahkamah ini terhadap hukuman yang dijatuhkan. Tertuduh memohon agar hukuman penjara dan denda dikurangkan atas alasan, antara lain, bahawa beliau tidak berniat untuk membunuh. Pihak pendakwaan tidak membantah rayuan tertuduh dan bersetuju bahawa hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen adalah melampau (excessive) dalam keadaan kes ini.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Dalam keadaan fakta kes ini hukuman penjara 18 tahun dan denda RM10,000 jika tidak bayar 10 bulan penjara yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen adalah 'on a higher side' dan 'excessive'. Hakim mahkamah sesyen telah kurang memberi pertimbangan terhadap fakta kes ini iaitu bahawa kejadian berlaku berikutan satu

pertengkaran dan si mati telah memukul tertuduh dengan menggunakan topi keledar dan perayu telah mengambil pisau dari bahagian dapur lalu menikam si mati dengan sekali tikaman. Ini bukanlah satu 'cold blooded murder' (lihat perenggan 12).

(2) Seterusnya, si mati dan tertuduh merupakan kawan baik dan kejadian pembunuhan ini bukan sesuatu yang dirancang. Ia terjadi secara tiba-tiba apabila tertuduh melarang si mati dari terus bermain judi. Tertuduh tidak melarikan diri dari tempat kejadian dan telah memberi kerjasama penuh kepada pihak polis dan telah mengaku salah serta menyesali perbuatannya (lihat perenggan 12).

[English summary

The appellant/accused, a woman of Thai nationality, was charged at the Johor Bahru Sessions Court under s 304(a) of the Penal Code. According to the witness, the accused had befriended with the deceased for approximately two years. The deceased came to the house of the accused. The accused scolded the deceased to stop his gambling activities for the worry of losing. An argument took place and the deceased hit the accused with a helmet and the accused ran to the kitchen, took a knife and thereafter stabbed the deceased once at the left side of his neck with the depth of 9.5cm from the skin. The accused pleaded guilty on the charge at the first instance she was brought to the court. On conviction, the session's court judge imposed a sentence of imprisonment for 18 years to be effective from the date of arrest and fine of RM10,000 and in default of fine the accused was ordered to serve 10 months imprisonment in addition. The accused who was not satisfied with the sentence appealed to this court against the sentence. The accused pleaded that the sentence of imprisonment and fine be reduced on the grounds, inter alia, that she did not have the intention to kill. The prosecution did not oppose to the appeal of the accused and agreed that the sentence imposed by the session's court judge was excessive in the circumstances of this case.

Held, allowing the appeal:

(1) In the circumstances of this case the sentence of 18 years imprisonment and fine of RM10,000 in default 10 months imprisonment that was imposed by the session's court judge was on a higher side and excessive. The session's court judge had given lesser consideration to the facts of this case ie that the incident took place upon an argument and the deceased had hit the accused with a helmet and the accused took a knife from the kitchen and stabbed the deceased once. It was not a cold blooded murder (see para 12).

(2) Further, the deceased and the accused were good friends and the murder was not something that was planned. It happened instantaneously when the accused stopped the accused from going on gambling. The accused did not run away from the place of incident and had given full cooperation to the police and had pleaded guilty and had repented on her action (see para 12).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3342–3392.

Kes-kes yang dirujuk

Christopher Khoo Ewe Cheng v PP [1998] 3 MLJ 881; [1998] 3 CLJ 705, MR (dirujuk)

Ganesan a/l Nachiappan & Ors v PP [2000] 3 MLJ 244, MR (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Abdul Rani bin Abdul Talib [2002] 6 MLJ 305, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Chan Akau [2004] 4 MLJ 47, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Che Hasan bin Senawai [2005] 7 MLJ 357, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Karthiselvam a/l Vengatan [2008] 3 MLJ 368; [2008] 1 LNS 32, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Ooi Kwang Lai [2000] 6 MLJ 622, MT (dirujuk)

PP v Aloywisius Andreas Belia Dafid [2006] MLJU 308; [2006] 7 CLJ 120, MT (dirujuk)

PP v Gunasekaran Arjunan & Anor [2006] 5 MLJ 527; [2006] 3 CLJ 1003, MT (dirujuk)

PP v Soh Soo Yang & Anor [2001] 5 MLJ 356; [2000] LNS 296, MT (dirujuk)

PP v Wong Wei Choon [2007] 8 MLJ 301; [2007] 8 CLJ 536, MT (dirujuk)

R v Kenneth John Ball (1951) 35 Cr App R 164 (dirujuk)

Yit Kean Hong v PP [2005] 4 CLJ 592, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 304(a)

Tertuduh tidak diwakili.

Fazaly Ali bin Mohd Ghazaly (Timbalan Pendakwa Raya, Kamar Penasihat Undang-Undang, Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.

Kamardin Hashim PK:

[1] Perayu di dalam kes ini, seorang perempuan warganegara Thailand dituduh di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas satu pertuduhan seperti berikut:

Bahawa kamu pada 9 Mac, 2008, jam lebih kurang 12.30 tengahari di rumah No 11, Jalan Salleh, Taman Kim Teng, di dalam Daerah Johor Bahru di dalam Negeri Johor Darul Takzim telah menyebabkan kematian NG CHUIN TEIK KP: 720825-07-5513, NO 2, JALAN PERUBATAN 36, TAMAN UNIVERSITI, SKUDAI JOHOR dengan niat menyebabkan kecederaan tubuh badan yang mungkin menyebabkan kematiannya, dan dengan itu kamu telah melakukan homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh yang boleh dihukum di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.

[2] Perayu telah mengaku salah atas pertuduhan tersebut sejak kali pertama dihadapkan ke mahkamah. Atas sabitan, tuan hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah menjatuhkan hukuman penjara 18 tahun berkuatkuasa sejak tarikh ditangkap (9 Mac 2008) serta didenda RM10,000 jika gagal membayar perayu diperintahkan menjalani 10 bulan penjara sebagai tambahan. Perayu gagal membayar denda tersebut.

[3] Perayu telah tidak berpuashati terhadap hukuman yang dikenakan oleh tuan HMS, merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap hukuman yang dijatuhkan, perayu memohon agar hukuman penjara dan denda dikurangkan.

[4] Rayuan perayu telah didengar oleh saya pada 12 Februari 2009. Perayu hadir sendiri, tidak diwakili oleh peguambela. Di mahkamah sesyen, perayu juga tidak diwakili. Semasa pendengaran rayuannya, perayu mengulangi perkara-perkara yang sama semasa membuat rayuan untuk meringankan hukumannya di hadapan tuan HMS.

[5] Fakta kes dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya terpelajar (eksh P2) menunjukkan perkara-perkara yang berikut:

(i) Pada 9 Mac 2008, jam lebih kurang 1 petang, semasa pengadu, Rohaiza bt Jumari sedang bertugas di Pusat Kawalan Daerah, Johor Bahru Selatan telah menerima satu panggilan telefon daripada seorang lelaki Cina memberitahu ada satu pergaduhan di No 11, Jalan Salleh, Taman Kim Teng, 80300 Johor Bahru, Johor (tempat kejadian). Satu laporan polis maklumat pertama telah dibuat di balai sebagaimana JBS 005734/08 pada 9 Mac 2008, jam 1.35 petang.

(ii) Siasatan telah dijalankan oleh ASP Rupeah bt Abd Wahid di tempat kejadian di mana terdapat satu mayat lelaki Cina, NG CHUIN TEIK, (No KP: 720825-07-5513) (si mati) di dalam keadaan terlentang di bahagian tengah ruang tamu tersebut. Terdapat juga tompokan darah yang telah kering berdekatan dengan mayat tersebut.

(iii) Mengikut saksi, Chencira (Pasport Y 620626) mengatakan pada 9 Mac

2008, jam lebih kurang 8 pagi saksi dan si mati telah datang ke rumah tertuduh. Tertuduh telah berkawan dengan si mati lebih kurang dua tahun.

(iv) Selepas makan, jam lebih kurang 11 pagi, saksi dan si mati telah bermain judi daun terup. Tertuduh telah memarahi si mati agar berhenti bermain judi daun terup kerana dikhuatiri akan kalah. Pertengkaran telah berlaku dan saksi telah masuk ke dalam bilik.

(v) Lebih kurang 20 minit kemudian, saksi telah mendengar bunyi benda jatuh ke lantai dengan kuat. Saksi telah keluar dari bilik tersebut dan kelihatan tertuduh sedang bergaduh dengan si mati.

(vi) Si mati telah memukul tertuduh dengan menggunakan helmet dan tertuduh telah melarikan diri ke dapur, mengambil pisau dan kemudian menikam si mati dengan sekali tikaman.

(vii) Jam lebih kurang 1 petang, abang si mati Ng Choon Keat (No K/P: 710104-07-5397) telah tiba di tempat kejadian selepas ditelefon oleh saksi dan didapati si mati berlumuran darah. Satu laporan polis juga telah dibuat pada 9 Mac 2008, jam 5.45 petang di balai sebagaimana JBS 005748/08.

(viii) Pada 9 Mac 2008, jam lebih kurang 2.30 petang tertuduh telah ditangkap di tempat kejadian. Hasil siasatan dan percakapan tertuduh, tertuduh mengaku telah menikam si mati dengan sebilah pisau. Pisau, baju dan seluar pendek telah ditemui selepas ditunjukkan oleh tertuduh yang telah dibuang di No 9, Jalan Salleh, Taman Kim Teng, Johor Bahru (sebelah rumah tempat kejadian berlaku).

(ix) Post mortem ke atas si mati telah dijalankan pada 10 Mac 2008, jam 7 petang dan sebab kematian ialah 'stab wound to the neck'. Terdapat satu tikaman sahaja di leher sebelah kiri dan kedalaman tikaman ialah 9.5cm dari paras kulit.

(x) Melalui keterangan yang ada dan pengakuan salah tertuduh, tertuduh telah melakukan satu kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

[6] Barang kes berikut telah dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya terpelajar:

(a) fakta kes (eksh P2);

(b) JBS Report No 005734/08 (eksh P3);

(c) JBS Report No 005748/08 (eksh P4);

(d) JBS Report No 005755/08 (eksh P5);

(e) laporan post mortem ke atas Ng Chun Teik (eksh P6);

(f) gambar-gambar tempat kejadian (eksh P7 A-M). A

[7] Fakta kes serta barang kes telah dibaca dan ditunjukkan kepada perayu melalui jurubahasa Thailand dan diakui benar oleh perayu.

[8] Perayu telah membuat rayuan seperti berikut: B

(i) Beliau tidak berniat untuk membunuh si mati;

(ii) si mati telah memukul beliau dahulu;

(iii) beliau berasa kasihan setelah menikam si mati tetapi beliau tidak berniat membunuh si mati; C

(iv) beliau telah menyesal di atas perbuatan beliau;

(v) beliau telah berkahwin dan telah bercerai dan ada seorang anak berumur 13 tahun di Thailand; D

(vi) beliau memohon hukuman yang paling ringan;

(vii) ini kali pertama beliau ditangkap oleh pihak polis;

(viii) beliau bekerja di gerai menjual ikan di Pasar Sentosa; dan E

(ix) beliau warganegara Thailand manakala si mati adalah warganegara Malaysia.

[9] Timbalan pendakwa raya terpelajar memohon mahkamah mengambilkira fakta-fakta berikut semasa menjatuhkan hukuman oleh tuan HMS iaitu: F

(a) Bagi kes di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan, hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang adalah 30 tahun penjara.

(b) Memandangkan kesalahan ini melibatkan kes bunuh tanpa niat, ianya dikategorikan sebagai satu kesalahan yang serius. G

(c) Keseriusan kesalahan ini boleh dilihat melalui pindaan undang-undang yang dibuat ke atas s 304(a) Kanun Keseksaan di mana hukuman penjara telah dinaikkan daripada 20 tahun ke 30 tahun. H

(d) Pihak pendakwaan memohon supaya satu hukuman yang berat dikenakan di dalam kes ini.

(e) OKT tiada rekod sabitan lalu dan OKT juga telah masuk ke Malaysia secara sah. I

[10] Semasa pendengaran rayuan ini perayu memohon agar hukuman penjara dan denda dikurangkan. Alasan yang sama telah diberikan bagi mengurangkan hukuman. Timbalan pendakwa raya terpelajar tidak

membantah rayuan perayu dan bersetuju bahawa hukuman yang telah dijatuhkan oleh tuan HMS adalah melampau (excessive) dalam keadaan kes ini.

[11] Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan seperti dipinda melalui Akta A1210 yang berkuatkuasa mulai 6 Mac 2007 memperuntukkan seperti berikut:

> Whoever commits culpable homicide not amounting to murder shall be punished:
>
> (a) with imprisonment for a term which may extend to thirty years, and shall also be liable to fine, if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death, or causing such bodily injury as is likely to cause death; or

[12] Dengan pindaan itu, hukuman maksima di bawah s 304(a) telah dipinda dari 20 tahun kepada 30 tahun penjara. Kes perayu tertakluk di bawah pindaan tersebut. Tuan HMS telah menulis alasan penghakiman menjelaskan dengan panjang lebar prinsip-prinsip penghukuman serta fakta-fakta yang beliau telah mengambilkira dalam menjatuhkan hukuman ke atas perayu. Setebal 46 ms telah diambil oleh tuan HMS untuk menerangkan prinsip-prinsip penghukuman dan fakta-fakta yang beliau telah ambil kira sebelum menjatuhkan hukuman. Ini satu usaha yang baik dan tuan HMS berada di atas landasan yang betul dengan memasukkan prinsip penghukuman yang betul. Walau bagaimanapun, mahkamah bersetuju dengan pandangan timbalan pendakwa raya terpelajar bahawa hukuman penjara 18 tahun dan denda RM10,000 jika tidak bayar 10 bulan penjara yang dijatuhkan oleh tuan HMS 'on a higher side' dan 'excessive' dalam keadaan fakta kes ini. Fakta kes telah kurang diberi pertimbangan oleh tuan HMS iaitu bahawa kejadian berlaku berikutan satu pertengkaran dan si mati telah memukul perayu dengan menggunakan helmet dan perayu telah mengambil pisau dari bahagian dapur lalu menikam si mati dengan sekali tikaman. Saya berpendapat ini bukanlah satu 'cold blooded murder'. Si mati dan perayu adalah merupakan kawan baik dan kejadian pembunuhan ini bukan sesuatu yang dirancangkan. Ianya terjadi secara tiba-tiba apabila perayu melarang si mati dari terus bermain judi. Perayu tidak melarikan diri dari tempat kejadian dan telah memberi kerjasama penuh kepada pihak polis dan perayu telah mengaku salah serta menyesali perbuatannya.

[13] Kes-kes di bawah dirujuk sebagai perbandingan iaitu kes-kes sebelum pindaan terhadap s 304(a) Kanun Keseksaan:

(i) *Public Prosecutor v Soh Soo Yang & Anor* [2001] 5 MLJ 356; [2000] LNS 296

— OKT1 – 13 tahun penjara;

— OKT 2 – 9 tahun penjara.

(ii) *Pendakwa Raya lwn Ooi Kwang Lai* [2000] 6 MLJ 622

— 15 tahun penjara

(iii) *Public Prosecutor v Wong Wei Choon* [2007] 8 MLJ 301; [2007] 8 CLJ 536

— 8 tahun penjara

(iv) *Pendakwa Raya lwn Chan Akau* [2004] 4 MLJ 47

— 10 tahun penjara

(v) *Pendakwa Raya lwn Abdul Rani bin Abdul Talib* [2002] 6 MLJ 305

— 14 tahun penjara

(vi) *Pendakwa Raya lwn Che Hasan bin Senawai* [2005] 7 MLJ 357

— 19 tahun penjara

(vii) *Ganesan a/l Nachiappan & Ors v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 244

— 14 tahun penjara

(viii) *Pendakwa Raya lwn Karthiselvam a/l Vengatan* [2008] 3 MLJ 368; [2008] 1 LNS 32

— 13 tahun penjara

(ix) *Christopher Khoo Ewe Cheng v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 881; [1998] 3 CLJ 705

— 14 tahun penjara

(x) *Yit Kean Hong v Public Prosecutor* [2005] 4 CLJ 592

— 15 tahun penjara

(xi) *Public Prosecutor v Gunasekaran Arjunan & Anor* [2006] 5 MLJ 527; [2006] 3 CLJ 1003

— 20 tahun penjara

(xii) *Public Prosecutor v Aloywisius Andreas Belia Dafid* [2006] MLJU 308; [2006] 7 CLJ 120

— 20 tahun penjara

[14] Kesemua 12 kes tersebut di atas adalah sebelum s 304(a) Kanun Keseksaan dipinda di mana hukuman maksima yang diperuntukkan adalah 20 tahun. Hukuman yang telah dijatuhkan adalah antara 8 tahun hingga maksima 20 tahun. Terdapat perbezaan di dalam tempoh hukuman yang dijatuhkan adalah disebabkan keadaan dan fakta di dalam sesuatu kes itu yang berbeza. Dalam hubungan ini, saya hanya ingin merujuk kepada satu keputusan yang tidak asing lagi oleh Hakim Hilbery dalam kes *R v Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164 yang sering dirujuk oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia — 'Our law does not, therefore fix the sentence for a particular offence but it fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the *court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe*'. (Penekanan ditambah.)

[15] Atas alasan-alasan di atas terutama di para 12, saya membenarkan rayuan OKT untuk meringankan hukuman. Hukuman 18 tahun penjara sejak tarikh ditangkap dan denda RM10,000 jika tidak bayar 10 bulan penjara yang dijatuhkan oleh tuan HMS diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara 14 tahun berkuatkuasa sejak dari tarikh ditangkap.

Rayuan dibenarkan.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed